

Pak Kaduk celik IT namun buta sejarah?



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaiton mohamad@yahoo.com

UB 18/05/2012 B4

KECANTIKAN pelangi selalu dinantikan apabila berhentinya hujan dan matahari kembali muncul. Fenomena ini begitu indah sehingga telah banyak memberikan ilham kepada karyawan, pemuzik, penyajak dan sebagainya untuk menginspirasikan dalam lagu, karya dengeng dan legenda. Tapi dari kaca mata sains, pelangi sangat sederhana. Itu cuma fisika optik semata. Ia terjadi setelah berlakunya pembiasan cahaya dan tidak ada tempat yang spesifik di mana lokasinya yang boleh dipegang dan disentuh oleh sesiapa pun. Namun ia telah menjadi satu perkara yang indah untuk dilihat dan dipertontonkan sahaja namun tidak dapat disentuh dan dipegang oleh

sesiapa pun. Justeru itu mungkin boleh diibaratkan juga seperti pengikut-pengikut pendemonstrasi haram Bersih 3.0.

Mereka juga mungkin dimomokkan oleh segelintir manusia yang bersifat individualistik dan mementingkan isu-isu peribadi daripada memikirkan risiko-risiko kepada keselamatan negara. Fenomena ini begitu indah sehingga telah banyak memberikan ilham kepada karyawan, pemuzik, penyajak dan sebagainya untuk menginspirasikan dalam lagu, karya dengeng dan legenda. Tapi dari kaca mata sains, pelangi sangat sederhana. Itu cuma fisika optik semata. Ia terjadi setelah berlakunya pembiasan cahaya dan tidak ada tempat yang spesifik di mana lokasinya yang boleh dipegang dan disentuh oleh sesiapa pun. Namun ia telah menjadi satu perkara yang indah untuk dilihat dan dipertontonkan sahaja namun tidak dapat disentuh dan dipegang oleh

Adakah sebegitu kaedah didikan ibu bapa sekarang? Suka melihat anak-anak menghentak-hentak kaki, berguling-guling di lantai apabila tuntutan permintaan tidak dipenuhi? Maka dengan cara melakukan demonstrasi sebegitu mengasuh psikologi minda golongan yang masih mentah untuk mengamalkan tingkah laku sebegitu.

Pihak pemerintah diibaratkan seperti ibu bapa dan semua kebijakan, keselamatan, pendidikan dan sebagainya diaturkan dengan sebaik mungkin. Malah apabila tuntutan dibuat untuk kenaikan gaji penjawat awam, had gaji minimum pekerja swasta semuanya dipenuhi. Malah Akta Keselamatan Dalam Negara juga turut dipinda apabila ada permintaan daripada rakyat yang melihat Akta ISA adalah kejam dan tidak sesuai dengan peredaran zaman. Namun sekiranya dilihat dari sudut psikologi keberkesanannya amat nyata dan adalah mustahil

untuk penjenayah-penjenayah yang ditahan di bawah akta itu akan mengulangi tindakan kali kedua. Justeru itu adalah lebih sesuai sekiranya semua rakyat mengambil pendekatan yang sederhana dalam menunjukkan ideologi politik yang dipilih supaya peristiwa penggulingan negara Libya dan Iraq tidak berlaku di Malaysia. Untuk menggulingkan sesebuah pemerintah amat mudah kerana namun untuk membesar dan memastikan rakyat berada dalam keadaan selesa memerlukan tempoh yang panjang dan memerlukan penjagaan yang pelbagai.

Malah untuk memulihkan sebuah negara yang hancur bukan suatu perkara yang mudah kerana Malaysia pernah mengalaminya dahulu iaitu pada zaman kejatuhan penjajah British dan Jepun, maka pada zaman itu muncul komunis, bintang tiga dan sebagainya. Keadaan pada ketika itu amat merbahaya dan tidak selamat.

Kemiskinan adalah perkara biasa. Penyakit berjangkit amat mudah merebak dan kadar kematiian juga amat tinggi. Adakah sebagai orang yang bijak dan berfikiran global ingin mengulangi sejarah kerana terlalu taksub dengan ideologi sesebuah politik yang ternyata boleh memundurkan sesebuah negara. Bahkan boleh meruntuhkan pembangunan prasarana dan ekonomi negara. Adakah kerana terpedaya dengan janji-janji manis seseorang pemimpin politik semata-mata sanggup menggadaikan sebuah keamanan yang 55 tahun kita kecapa.

Bagaikan mengejar pelangi yang indah namun tidak dapat dicapai kerana ia tidak berpaksi kepada sesuatu benda. Hilang air dan cahaya maka hilanglah serinya pelangi. Begitu juga dengan janji-janji para pemimpin yang mementingkan diri sendiri, mempergunakan rakyat jelata yang mudah disogok dengan

janji dan wang ringgit bagaikan pak kaduk yang bersorak menang ayam berlaga namun kampung tergadai dek kebodohan diri sendiri.

Walaupun pepatah itu agak lapuk namun ternyata amat sesuai dengan golongan terbabit. Justeru itu adalah lebih bijak dengan mengambil iktibar daripada kejatuhan pemerintahan Libya, Iraq, Thailand dan sebagainya supaya pemikiran lebih stabil dan secara tidak langsung tidak akan mempengaruhi psikologi golongan yang bencikan kepada pertumpahan darah untuk merasakan diri selamat apabila berada di luar rumah. Lantaran itu bagi golongan yang menyokong secara radikal, sukaan pertumpahan darah mungkin boleh mendaftarkan diri untuk bersama-sama menentang keganasan di Palestin dan melihat sendiri kekejaman rejim Tel Aviv.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi, HEP, UMS